



**PEKELILING PEJABAT KEWANGAN DAN  
PERBENDAHARAAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS BILANGAN 3  
TAHUN 2024**

Semua Pegawai Pengawal Negeri  
Sembilan Darul Khusus

---

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN  
ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2025  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

---

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pegawai Pengawal di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan bagi penyediaan Anggaran Belanjawan Tahun 2025 Negeri Sembilan Darul Khusus.

**DASAR DAN KERANGKA BELANJAWAN TAHUN 2025**

2. Kerajaan Negeri Sembilan komited dalam meneruskan usaha ke arah memperkasa ekonomi rakyat, menjamin bekalan makanan dan pendidikan ke arah masa hadapan yang mampan selaras dengan konsep Malaysia Madani. Oleh yang demikian, Anggaran Belanjawan Tahun 2025 hendaklah memberi fokus kepada perbelanjaan yang memberi impak kepada rakyat melalui polisi fiskal yang berteraskan Pengurusan Kewangan MADANI Negeri Sembilan melalui pengumpulan dan penjanaankekayaan (hasil), perlindungan dan pengagihan kekayaan secara mampan dan inklusif serta pemantauan kekayaan berdasarkan prinsip MADANI seperti berikut:

**VISI**

Menjadikan Negeri Sembilan Model Pengurusan Kewangan Terbaik Ke Arah Melahirkan Negeri Yang Makmur, Sejahtera dan Bahagia

**MISI**

Melakukan Transformasi Pengurusan Kewangan Berteraskan Prinsip Islah, Itqan dan Saksama

3. Kedua-dua misi dan visi ini boleh dicapai berdasarkan **tiga (3) Bidang Fokus Utama (Key Results Area-KRA)** iaitu **Pengumpulan & Penjanaan Kekayaan, Perlindungan & Pengagihan Kekayaan dan Pemantauan Kekayaan** dengan kaedah seperti berikut :-

- 3.1 Meneroka sumber hasil baharu, menyemak dan mengkaji kadar / tarif, menguatkuasa peraturan dan undang-undang secara berhemah dalam mengawal ketirisan hasil untuk meningkatkan kemampuan hasil negeri;
- 3.2 Mengawal rezab dan defisit belanjawan dengan penyediakan belanjawan berimbang untuk kawalan perbelanjaan disamping meneruskan bidang-bidang tumpuan dan inisiatif-inisiatif yang mewujudkan kemampuan masyarakat serta memberikan kesejahteraan ekonomi dan psikologi kepada rakyat;
- 3.3 Mengurus kewangan dengan berintegriti melalui tatakelola kewangan yang baik dan pematuhan kepada arahan serta peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

4. Sehubungan itu, kerangka penyediaan Anggaran Belanjawan Tahun 2025 hendaklah memberi tumpuan kepada *core business* jabatan dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara seperti berikut:

#### **4.1 Keberkesanan Program dan Aktiviti**

Program dan aktiviti Jabatan perlu dinilai bagi memastikan mencapai objektif dan memberikan impak positif kepada golongan sasaran dan memberikan imej positif kepada Kerajaan Negeri. Selain itu kewajaran program juga hendaklah mengambil kira keperluan dan kehendak golongan sasar atau digantikan dengan strategi baharu yang lebih relevan.

#### **4.2 Penyelarasan Bersepadu Antara Jabatan**

Sinergi dan kesepadan antara jabatan negeri dalam melaksanakan sesuatu program dan aktiviti akan memberikan pulangan nilai atau *value for money*. Setiap jabatan hendaklah bertindak sebagai sebuah pasukan yang saling melengkapi antara satu sama lain terutamanya perkara yang melibatkan dasar dan polisi Pentadbiran Kerajaan Negeri. Tindakan dan maklum balas hendaklah saling memperkuuh dan menyokong (*complement*) bagi memastikan Pentadbiran Kerajaan Negeri bergerak ke arah hala tuju yang sama dan rakyat mendapat maklumat dan perkhidmatan terbaik.

#### **4.3 Penambahbaikan Berterusan**

Kerajaan Negeri amat menitik beratkan kepada kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam terutama dalam membuat keputusan. Setiap Jabatan hendaklah sentiasa melakukan penambahbaikan berterusan dengan meneliti dan menilai amalan serta prosedur kerja sedia ada bagi mengurangkan birokrasi dan tidak terlalu berpusat (*centralised*). Pelaksanaan penyampaian perkhidmatan dan program sedia ada Jabatan hendaklah disemak semula dari aspek keberkesanan dan tahap kebolehcapaian kumpulan sasaran dengan mengambil kira sama ada strategi tersebut boleh ditambah baik.

### **ANGGARAN HASIL TAHUN 2025**

5. Pegawai Pengawal hendaklah menyemak dan bertanggungjawab bagi memastikan **kemasukan data mengikut kod hasil adalah munasabah**. Anggaran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan terperinci serta **penjelasan** kepada jangkaan peningkatan atau pengurangan berbanding tahun sebelum.

6. Penyediaan **Anggaran Hasil Tahun 2025** mengikut jumlah anggaran yang patut dan boleh dikutip hendaklah selaras dengan salah satu **Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pengurusan Kewangan MADANI Negeri Sembilan** iaitu pencapaian kutipan hasil mestilah **melebihi RM500 juta pada setiap tahun** dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- 6.1 rekod prestasi kutipan hasil bagi tempoh dua (2) tahun iaitu tahun 2022 dan 2023 sebagai aras asas (*base line*);
- 6.2 perubahan-perubahan dasar, peraturan, kadar kutipan serta kedudukan ekonomi semasa/jangkaan ekonomi;
- 6.3 usaha-usaha meningkatkan pungutan hasil yang telah dilakukan oleh jabatan dan keberkesanannya dalam meningkatkan kutipan hasil semasa dan tunggakan hasil; dan
- 6.4 penerokaan dan penjanaan hasil baharu yang telah dikenalpasti.

## **ANGGARAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2025**

7. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan penyediaan cadangan Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2025 dengan mengambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- 7.1 mengemukakan keperluan peruntukan tahun 2025 secara **zero-based** iaitu semua keperluan perbelanjaan disenaraikan dengan sempurna;
- 7.2 peruntukan emolumen mencukupi di bawah Objek Am 10000 dan emolumen lantikan kontrak di bawah Objek Sebagai 29000;
- 7.3 perbelanjaan yang **mendahulukan keperluan sebagai keutamaan** berbanding kemahuan/kehendak;
- 7.4 peruntukan perlu bagi **perbelanjaan yang telah komited** seperti kontrak sewaan, kontrak perkhidmatan / bekalan, utiliti dan bekalan minyak mentah serta penyelenggaran; dan
- 7.5 perbelanjaan yang boleh **meningkatkan kualiti dan pencapaian perkhidmatan** meliputi perolehan aset dan lain-lain berdasarkan **core business** jabatan.

8. Dalam menyediakan cadangan Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2025, keperluan di bawah Dasar Sedia Ada, *One-Off* dan Dasar Baharu perlu disediakan berdasarkan kepada siling batas belanjawan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan (PKwNS) berteraskan kepada salah satu dari **KPI Pengurusan Kewangan MADANI Negeri Sembilan** iaitu **defisit tidak melebihi 5% daripada anggaran hasil tahunan.**

9. Cadangan anggaran perbelanjaan Dasar Sedia Ada, Dasar Baharu dan *One-Off* yang dikemukakan mestilah disertakan justifikasi lengkap termasuk keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) atau mana-mana keputusan Kerajaan jika ada.

## **ANGGARAN BELANJA PEMBANGUNAN TAHUN 2025**

10. Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) akan berakhir pada tahun 2025. Oleh yang demikian, Anggaran Belanja Pembangunan Tahun 2025 akan memberi keutamaan kepada projek-projek sambungan yang telah memasuki fasa akhir pelaksanaan dan inisiatif-inisiatif belanjawan selari dengan objektif yang telah ditetapkan.

11. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan pembangunan tahun 2025 yang dimohon telah mengambil kira kemajuan pelaksanaan program atau projek serta keperluan aliran tunai sebenar berdasarkan *s-curve* projek.

12. Semua projek baharu yang dicadangkan di bawah penyediaan Anggaran Belanja Pembangunan tahun 2025 perlu diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (**MMKN**) atau Pengerusi Jawatankuasa Bertindak di bawah portfolio masing-masing mengikut keutamaan dan impak pelaksanaan. Peruntukan untuk projek baharu hanya akan dipertimbangkan sekiranya perkara-perkara berikut telah diambil perhatian:

12.1 perancangan untuk sesuatu projek tersebut telah selesai kajian awalan, rekabentuk, siasatan tanah termasuk *environment impact assessment (EIA)*, *social impact assessment (SIA)* dan *traffic impact assessment (TIA)* bagi menentusahkan kebolehlaksanaan projek;

12.2 pengambilan tanah dan isu-isu di tapak yang dikenalpasti telah selesai sepenuhnya; dan

12.3 Jabatan Bukan Teknikal hendaklah merujuk kepada Jabatan Teknikal bagi tujuan pelaksanaan dan jadual perancangan kerja selaras dengan AP 182 – Kerja-kerja Bagi Jabatan Bukan Teknik.

13. Jabatan adalah diingatkan bahawa segala tanggungan perbelanjaan tahun lalu yang belum dijelaskan atau pelaksanaan sesuatu keputusan baharu bagi Belanja Pembangunan, ianya hendaklah ditampung melalui penjimatan/ penyelarasaran semula

peruntukan tahun semasa atau dilakukan secara "trade-off" dengan projek sedia ada.

14. Pegawai Pengawal perlu memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi supaya dapat dilaksanakan mengikut jadual. Setiap jabatan pelaksana adalah bertanggungjawab untuk menyimpan dan menyelenggara rekod pelaksanaan projek dengan baik. Dalam hal ini, Pegawai Pengawal perlu mengemaskini maklumat projek, prestasi fizikal dan prestasi kewangan bagi setiap projek pembangunan ke dalam sistem nsPROMISE (*Negeri Sembilan Project Monitoring & Information System*) yang dipantau oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Sektor Pembangunan).

## **PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2025**

15. Pegawai Pengawal dikehendaki melengkapkan dokumen penyediaan Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2025 Jabatan masing-masing seperti berikut:

### **15.1 Cadangan Anggaran Hasil Tahun 2025**

- 15.1.1 Ringkasan Anggaran Hasil Mengikut Kod Hasil (Format AH1 (iSPEKS))
- 15.1.2 *Slide* Ringkasan Anggaran Hasil Mengikut Kod Hasil (Format AH2)

### **15.2 Cadangan Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2025**

- 15.2.1 *Template* Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2025
- 15.2.2 Maklumat Perjawatan
- 15.2.3 Lembaran Gaji beserta Kenaikan Gaji Tahunan
- 15.2.4 Ringkasan Cadangan Dasar Baharu dan 'One Off'
- 15.2.5 Perbelanjaan Mengikut Objek Sebagai (Terperinci) -ABM 7
- 15.2.6 Anggaran Perbelanjaan Mengurus Mengikut Objek Sebagai - BM 7 (iSpeks)

### **15.3 Cadangan Anggaran Belanja Pembangunan Tahun 2025**

- 15.3.1 Perbelanjaan Pembangunan Bagi Projek baharu / Projek Sambungan Tahun 2025 bersama justifikasi anggaran pembangunan.

16. Semua data **Anggaran Hasil, Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Belanja Pembangunan mestilah dibundarkan kepada ratus yang terhampir. Nilai sen tidak dibenarkan.**

17. Cadangan Anggaran Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2025 merangkumi Anggaran Hasil, Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Belanja Pembangunan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri,

Negeri Sembilan (PKwNS) sebanyak 1 salinan dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* yang ditandatangani oleh Pegawai Pengawal **sebelum 29 Mac 2024 (Jumaat)** melalui emel bajetn9@ns.gov.my.

18. Sesi pemeriksaan Belanja Mengurus Tahun 2025 dijadualkan akan diadakan pada **22 April – 8 Mei 2024** mengikut giliran yang akan ditentukan melalui surat panggilan dari PKwNS.

## PENUTUP

19. Pegawai Pengawal diminta memberikan kerjasama dalam memastikan penyediaan cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2025 dikemukakan mematuhi format dan dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan dalam penyediaan Anggaran Belanjawan Tahun 2025, pihak Jabatan boleh mendapatkan maklum balas daripada pegawai-pegawai berikut:

- i. Puan Nadia El-Yani binti Ja'afar 06-765 9964  
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri  
(Belanjawan) nadia@ns.gov.my
- ii. Encik Muhammad Shaiful Muhamad Diah 06-760 2531  
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri  
(Pembangunan)  
shaiful@ns.gov.my
- iii. Encik Syahal Bin Zakaria 06-763 6254  
Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil)  
syahal@ns.gov.my

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"BERSIH.MUAFAKAT.SEJAHTERA"**

Saya yang menjalankan amanah,

Pegawai Kewangan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh: Mac 2024

s.k: YB Setiausaha Kerajaan  
Negeri Negeri Sembilan Darul  
Khusus

Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus